

## 12 peniaga durian dikompaun, tipu alat timbang

Jun 11, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



IPOH, 11 Jun - 12 peniaga durian di Perak dikenakan tindakan kompaun serta merta seratus ringgit setiap seorang.

la gara-gara menggunakan atau memiliki alat timbang sukat yang tidak ditentukan, ditanda dengan cap, diperakui atau disahkan.

Menurut Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak, Saifullizan Kamarul Zaman; kompaun berkenaan dikenakan pada hari pertama pelaksanaan PKPP semalam.

Dalam pada itu, pihaknya merekodkan 655 aduan dan memeriksa lebih 14 ribu premis perniagaan.

121 tindakan diambil melibatkan keseluruhan nilai kompaun lebih 66 ribu ringgit sepanjang PKP, PKPB dan PKPP.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/19093-12-peniaga-durian-dikompaun-tipu-alat-timbang>